

TIP GUNA INTERNET

PENGENALAN

Internet terdiri daripada himpunan laman-laman web yang mengandungi artikel, gambar, blog, komunikasi dan banyak lagi. Anda ingin tahu tentang sejarah, ingin berhubung dengan individu lain, ingin menghasilkan diari peribadi dan ingin berniaga, semuanya ditawarkan secara elektronik di internet. Selain itu ia memudahkan kerja, menjimatkan masa dan membantu anda mendapat informasi pertama sekelip mata...

1. INTERNET EXPLORER VS MOZILLA FIREFOX

Masing-masing ada kelebihan dan kekurangannya.. Mozilla Firefox lebih baik berbanding internet explorer kerana menawarkan carian yang pantas dan antara muka mudah guna...

2. ENJIN CARIAN

Menawarkan maklumat ke laman web yang anda mahu secara masukkan kata kunci. Carian Google lebih tepat dan meluas berbanding Yahoo dan memberi apa yang anda ingin cari jika kena caranya...

3. MENCARI

Tips untuk mencari dengan lebih baik adalah dengan masukkan tanda "+" . Contoh: bila ingin mencari lagu Jason Mraz, Lucky, anda mesti taip Jason Mraz+Lucky dan enjin carian akan menyenaraikan laman web berkaitan lebih pantas dan tepat. Untuk cari imej, lebih mudah menggunakan butang imej yang disediakan. Hanya imej akan terpapar bukan laman web...

4. BOOKMARK

Mempunyai banyak kegunaannya dan laman web yang anda sering kunjung, bakal kunjungi lagi amat berminat dengannya atau apa jua, anda boleh simpan ke Bookmark (Firefox) atau Favourite Internet Explorer (IE). Anda perlu juga Backup Bookmark dan Favourite anda ini...

5. HISTORY

Satu tip untuk tujuan keselamatan, padam atau Delete pautan ke laman web penting atau peribadi di bahagian History. Ini bagi mengelakkan orang lain mengaksesnya...

6. PAUTAN KEPADA ANDA

Untuk melihat laman web lain yang memaparkan pautan ke laman web atau blog anda taip link diikuti dengan URL anda. Contoh link: www.majalahpc.com.

7. CARI MAKNA

Untuk mencari definisi di internet mudah sahaja. Taipkan define blog, maka tenteralah makna-makna yang berkaitan dengannya...

8. BACK DAN BACK LAGI

Lebih menyegerakan lagi anda berpatah balik kepada muka web sebelumnya, gunakan tanda anak panah bersebelahan butang Back tersebut...

9. HANTAR MUKA WEB KEPADA RAKAN

Kirimkan muka web menerusi emel dan pengguna IE boleh klik File-Send-Page by Email. Pengguna Firefox klik File-Send Link...

10. ELAK KLIK SESUKA HATI

Jika klik sesuka hati boleh terkena serangan Spam, Malware dimuat-turun ke komputer secara automatic dan sebagainya...